



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK), KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK (BMB) DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SUSULAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

#### **A. PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK)**

- 1. Apakah tanggungjawab kontraktor PKK dalam melaksanakan perkhidmatan?**

Kontraktor PKK perlu memastikan setiap pengawal keselamatan yang bertugas dibuat saringan kesihatan setiap hari apabila masuk bekerja dengan memeriksa suhu badan dan memakai pelitup muka.

Pengawal keselamatan yang dikesan suhu melebihi 37.5°C atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas hendaklah dirujuk terus ke hospital/klinik yang berdekatan. Pengawal keselamatan juga perlu mengelakkan 3C iaitu tempat sesak (crowded), tempat tertutup (confined spaces) dan bercakap jarak dekat (close conversation).

- 2. Bolehkah pengawal keselamatan ditugaskan untuk memeriksa dan merekod suhu pelawat (termasuk ibu bapa dan orang awam) yang memasuki premis?**

Boleh.

- 3. Adakah syarikat keselamatan perlu menyediakan alat pengimbas suhu badan untuk kegunaan pengawal keselamatan bagi tujuan memeriksa suhu badan pelawat?**

Tidak perlu. Alat pengimbas suhu badan akan disediakan oleh pihak pentadbir sekolah. Pihak pentadbir sekolah juga diminta untuk menyediakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) di pondok pengawal bagi kegunaan pelawat di premis berkenaan.

## **B. PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK)**

- 1. Apakah tanggungjawab kontraktor KBK dalam melaksanakan perkhidmatan?**

Kontraktor KBK perlu memastikan setiap pekerja pembersihan yang bertugas dibuat saringan kesihatan setiap hari apabila masuk bekerja dengan memeriksa suhu badan dan memakai pelitup muka.

Pekerja pembersihan yang dikesan suhu melebihi 37.5°C atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas hendaklah dirujuk terus ke hospital/klinik yang berdekatan. Pekerja pembersihan juga perlu mengelakkan 3C iaitu tempat sesak (*crowded*), tempat tertutup (*confined spaces*) dan bercakap jarak dekat (*close conversation*).

- 2. Bolehkah kontraktor perkhidmatan KBK diarahkan untuk melaksanakan perkhidmatan disinfeksi di sekolah sekiranya terdapat kes positif COVID-19?**

Tidak boleh kerana perkara ini adalah di luar daripada skop perkhidmatan.

Dalam hal ini, jika terdapat warga premis yang telah disahkan positif COVID-19 atau premis menerima arahan daripada mana-mana badan bertauliah iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk menjalankan kerja-kerja disinfeksi segera, maka perkhidmatan disinfeksi boleh dilaksanakan melalui kaedah perolehan darurat

tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PB 3.3: Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP173.2).

3. **Bolehkah pekerja KBK melaksanakan pembersihan pada permukaan yang sering disentuh dan paras ketinggian yang boleh dicapai contohnya tombol pintu, suis lampu, sinki, kepala paip, butang lif, pengepam tandas, pelapik duduk tandas dan susur tangan di laluan pergerakan murid di sekolah?**

Boleh, mengikut skop yang dinyatakan dalam skop perkhidmatan dan perlu mendapat persetujuan bertulis antara pentadbir sekolah dan kontraktor, bagi skop yang tidak dijelaskan dalam dokumen perjanjian.

4. **Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah, murid-murid akan diarahkan untuk makan di dalam bilik darjah pada waktu rehat. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh kontraktor KBK?**

Kontraktor KBK bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan sepertimana skop perkhidmatan yang telah ditetapkan iaitu memungut sampah dan dimasukkan ke dalam karung plastik serta dibuang di tempat khas/melupus sampah. Selain itu, kontraktor KBK hendaklah membekal serta memasang karung plastik pada tong sampah dan memastikan karung plastik sentiasa ada dan berada dalam keadaan baik.

5. **Adakah pekerja pembersihan bukan warganegara (di negeri-negeri yang terlibat) perlu menjalani saringan COVID-19 (swab test)?**

Berdasarkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pekerja pembersihan bukan warganegara (di negeri-negeri yang terlibat) **digalakkan** untuk menjalani saringan COVID-19.

- 6. Siapakah yang menanggung kos pemeriksaan saringan COVID-19 (swab test) yang dibuat kepada pekerja pembersihan bukan warganegara?**

Pihak kontraktor akan menanggung kos saringan COVID-19 yang dibuat kepada pekerja pembersihan bukan warganegara.

### **C. PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK (BMB)**

- 1. Apakah tanggungjawab kontraktor BMB dalam melaksanakan perkhidmatan?**

Kontraktor BMB perlu memastikan setiap pekerja yang bertugas dibuat saringan kesihatan setiap hari apabila masuk bekerja dengan memeriksa suhu badan dan memakai pelitup muka.

Pekerja yang dikesan suhu melebihi 37.5°C atau mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak dan sesak nafas hendaklah dirujuk terus ke hospital/klinik yang berdekatan. Pekerja juga perlu mengelakkan 3C iaitu tempat sesak (crowded), tempat tertutup (confined spaces) dan bercakap jarak dekat (close conversation).

- 2. Bagaimanakah perkhidmatan BMB dilaksanakan apabila sekolah mula beroperasi?**

Perkhidmatan BMB dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dalam dokumen kontrak.

- 3. Bolehkah kontraktor menolak atau enggan melaksanakan perkhidmatan BMB?**

Tidak boleh. Pihak kontraktor dikehendaki mematuhi perjanjian perkhidmatan dengan Kerajaan.

- 4. Bolehkah kontraktor menyediakan sajian di premis lain selain di sekolah?**

Boleh. Perkara ini perlu mendapat persetujuan kedua-dua pihak (pentadbir sekolah dan kontraktor) secara bertulis. Perkara ini

hendaklah dibuat pemantauan yang sangat rapi oleh pentadbir sekolah.

5. **Bagaimana dengan bilangan pekerja yang perlu disediakan oleh kontraktor memandangkan sekolah akan dibuka secara berperingkat?**

Bilangan pekerja yang bekerja di dewan makan adalah **berdasarkan bilangan murid semasa** yang berada di asrama. Apa-apa perubahan kepada bilangan pekerja selain daripada bilangan yang dipersetujui dalam kontrak hendaklah mendapat persetujuan bertulis antara pentadbir sekolah dan kontraktor.

6. **Adakah pembayaran perkhidmatan kontraktor akan dibuat mengikut kadar sajian sehari dan bilangan murid pada waktu sajian berdasarkan Borang Pesanan di premis seperti yang ditetapkan dalam dokumen kontrak?**

Ya.

- TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**8 JULAI 2020**